

08/03/2001

Tuduhan pembangkang melampau, boleh gugat perpaduan

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemimpin Umno dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyifatkan tuduhan parti pembangkang kononnya Umno mahu membunuh orang Cina berhubung isu tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) sebagai melampau dan boleh menggugat perpaduan kaum.

Mereka juga menyifatkan tuduhan itu sebagai membuktikan parti pembangkang tidak memahami sejarah kaum termasuk bangsa Melayu di negara ini.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata parti pembangkang tidak sepatutnya membuat tuduhan itu kerana Umno bersama parti komponen dalam Barisan Nasional (BN) sentiasa memperjuangkan kepentingan semua kaum.

Malah, katanya, rekod pencapaian Umno membuktikan parti itu bukan seperti apa yang dituduh oleh pembangkang.

"Saya fikir tuduhan itu sengaja diadakan-adakan. Mereka sebenarnya sudah ketandusan idea dan cuba pula menimbulkan kegelisahan dan syak wasangka (orang Cina) kepada Umno.

"Bagaimanapun, saya yakin rakyat sudah memahami bahawa apa yang dituduh oleh parti pembangkang itu adalah tidak benar," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri mendedahkan mengenai taktik kotor parti pembangkang yang menuduh kononnya Umno ingin membunuh orang Cina berhubung isu tuntutan tujuh perkara Suqiu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin pembangkang sengaja menggunakan slogan 'kalau orang Umno ingin membunuh orang Cina, langkah mayat kami dahulu,' semata-mata untuk meraih sokongan masyarakat itu.

Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno, Zulkifli Alwi, berkata tuduhan itu tidak mudah mempengaruhi masyarakat Cina kerana Umno selama ini banyak menyelesaikan masalah terutama membabitkan kaum Cina.

"Mungkin kenyataan itu dikeluarkan bagi menarik perhatian kaum Cina. Bagaimanapun, masyarakat Cina tahu kesederhanaan Umno yang selama ini tidak sanggup mengeksploitasi isu sedemikian.

"Sehubungan itu, parti pembangkang perlu menghentikan membuat tuduhan begitu jika mereka benar-benar mahu demokrasi di negara ini berjalan dengan betul," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, berkata ketika memperjuangkan kemerdekaan Malaysia, Umno yang mencadangkan supaya kaum pendatang termasuk Cina diterima sebagai warga negara dengan mengenakan beberapa syarat.

Oleh itu, katanya, adalah satu perkara yang mustahil untuk Umno secara tiba-tiba saja menjadi parti yang anti-Cina.

"MBM melihat tuduhan itu sebagai satu lagi percubaan oleh parti pembangkang untuk memulakan politik perkauman yang boleh memberi kesan buruk kepada keharmonian dan perpaduan kaum," katanya.

(END)